

Pensyarah menang Kuiz Bicara Haji TH – Utusan

KUALA LUMPUR – Pensyarah Politeknik Seberang Prai, Mohd. Amini Ahamad Sayuti, 32, dan kakitangan Jabatan Kerja Raya Bentong, Zulkarnain Safiei, 43, dipilih pemenang utama Kuiz Bicara Haji anjuran bersama Tabung Haji (TH) dan Utusan Malaysia di sini semalam.

Kedua-duanya menerima pakej umrah bernilai RM12,000 tajaan TH Travel & Services Sdn. Bhd.

Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji TH, Datuk Syed Saleh Abdul Rahman berkata,

objektif kuiz itu bagi memupuk minat bakal-bakal haji untuk mendalami ilmu dan hukum-hukum berkaitan ibadah haji.

“Program ini dianjurkan sebagai bahan rujukan umum yang boleh dibaca oleh sesiapa sahaja termasuk bakal-bakal haji pada tahun semasa.

“Selain itu, program ini diharapkan dapat memberi bimbingan kepada bakal haji bahkan kepada umat Islam amnya,”

katanya pada majlis penyampaian hadiah yang turut dihadiri Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak di sini semalam.

Sebanyak 1,006 penyertaan diterima dan 12 pemenang dipilih berdasarkan slogan yang kreatif.

Pemilihan juga dibuat berdasarkan jawapan yang tepat dan peserta perlu mengumpul 12 artikel mengenai cara dan rukun-rukun mengerjakan haji bermula dari 13 hingga 30 September 2011.

SYED SALEH (kiri) menyampaikan hadiah kepada Mohd. Amini sambil diperhatikan Aziz (tengah) di Kuala Lumpur semalam.

